

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN**  
**[GERIK]**  
**TARIKH : 13 MAC 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 25**

**Y.B. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [ GERIK ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah rizab negara pada 31 Disember 2018 berbanding jumlah pada bulan Mei 2018 dan apakah trend pertambahan atau penyusutan jumlah tersebut menjelang hujung 2019; dan
- (b) apakah jenis hutang negara yang akan dilunaskan melalui Tabung Harapan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Rizab antarabangsa negara berjumlah USD101.4 bilion (RM419.5 bilion) pada 31 Disember 2018 dan USD108.5 bilion (RM419 bilion) pada akhir Mei 2018. Paras rizab pada 31 Disember 2018 ini mencukupi untuk membiayai 7.4 bulan import tertanggung dan 1.0 kali jumlah hutang luar negeri jangka pendek. Keadaan penurunan rizab antarabangsa turut dialami di seluruh dunia termasuk Indonesia, Filipina dan Thailand yang mengalami aliran keluar menyebabkan penurunan rizab antarabangsa antara USD0.1 bilion dan USD6.9 bilion dari Jun hingga Disember 2018.

2. Trend pertambahan atau penyusutan jumlah rizab antarabangsa negara bergantung kepada pelbagai faktor antaranya:

i. Aliran keluar pelaburan portfolio oleh pelabur asing yang didorong oleh kenaikan kadar faedah contohnya kenaikan kadar faedah di Amerika Syarikat;

ii. Pilihan pelabur asing untuk menempatkan aset mereka di '*safe haven*' (negara maju) ekoran perubahan dasar perdagangan Amerika Syarikat terhadap beberapa negara; dan

iii. Pelarasan bagi perubahan penilaian semula pertukaran asing berikutan pengukuhan nilai dolar Amerika Syarikat berbanding pelbagai aset rizab mata wang asing yang dipegang oleh Bank Negara Malaysia

3. Keadaan turun naik paras rizab antarabangsa negara bersifat sementara. Pemulihan kestabilan pasaran dunia, penambahbaikan sentimen pelabur dan lebih akaun semasa negara yang kekal positif akan menyokong paras rizab antarabangsa. Rizab antarabangsa negara dijangka kekal mencukupi, disokong oleh aliran perdagangan dan pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Bagi jenis hutang negara yang akan dilunaskan melalui Tabung Harapan pula, sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Arahan Amanah Tabung

**NO SOALAN : 25**

Harapan Malaysia (THM), semua hasil sumbangan yang diterima akan digunakan untuk pembayaran hutang Kerajaan Persekutuan. Pembayaran yang dibenarkan adalah bagi tujuan akaun amanah ini sahaja dan sehingga kini masih belum ada sebarang pengeluaran dana.

5. Pada masa sekarang, akaun amanah tersebut di peringkat awal pengauditan oleh Jabatan Audit Negara. Penggunaan dana THM akan dimaklumkan setelah dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Akaun Amanah THM yang bertanggungjawab dalam pengurusan tabung tersebut. Perkara ini adalah selaras dengan peraturan dan perundangan semasa yang berkuat kuasa agar THM ditadbir secara teratur, telus dan berintegriti